

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH  
FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM  
BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. apakah tindakan susulan Kerajaan terhadap Syarikat 1MDB setelah laporan yang dikeluarkan serta saranan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan Laporan Audit Negara (LAN) yang menunjukkan kelemahan pengurusan Lembaga Pengarah Syarikat 1MDB; dan

b. apakah bentuk tindakan terhadap Datuk Shahrol Azral serta mereka yang terlibat dalam krisis 1MDB sehingga menimbulkan pelbagai kelemahan dan ketidakpatuhan daripada segi pengurusan kewangan serta perjanjian usaha sama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, selari dengan syor yang dikemukakan di dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Kementerian Kewangan telah melaksanakan tindakan berpandukan Arahan Perbendaharaan 304(b) [AP304(b)]. Lanjutan daripada itu, mesyuarat pertama untuk tujuan berkenaan telahpun diadakan pada 20 April 2016. Tindakan susulan sepertimana syor PAC masih dalam tindakan agensi-agensi yang berkenaan.